

Kursus Asas Perajurit Muda Sukarela Uji Ketahanan Disiplin dan Mental Peserta



Kuala Terengganu, 2 September- Kedengaran suara teriakan Ketua Kontinjen Perbarisan memecahkan keheningan suasana pagi di Kem 512 Askar Wataniah (AW) Padang Midin Kuala Terengganu dalam sesi latihan yang berlangsung selama sebulan bermula dari 5 Ogos 2015 sehingga 3 September lalu. Begitula senario yang berlaku apabila seramai 159 orang anggota AW telah berjaya menamatkan latihan Kursus Asas Perajurit Muda Sukarela (APMS) siri 3/2015 yang diadakan bersama anggota AW dari Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA).

Dalam program ini seramai 52 orang anggota UMP yang bernaung di bawah Batalion Pertama, Rejimen 505 Askar Wataniah, Taman Gelora telah menghadiri kursus ini yang diadakan melalui strategi lautan biru (Blue Ocean Strategy) melibatkan UMT dan UNISZA.

Menurut Penasihat Askar Wataniah UMP, Kapt. Prof. Madya Ir. Dr. Ahmad Ziad Sulaiman, sepanjang berkursus peserta menjalani latihan kawad, latihan jasmani, latihan menembak, latihan hutan, peperangan konvensional (CW), peperangan

hutan (CIW), ilmu medan perang (IMP) dan ikhtiar hidup.

"Objektif kursus ini adalah bertujuan membentuk tahap disiplin yang tinggi dikalangan pelajar-pelajar dan staf UMP, melatih dari segi kekuatan mental dan jasmani serta menjadikan mereka lebih yakin dan berkepimpinan," katanya.



Tambah beliau, penglibatan staf dalam kursus ini juga merupakan kerjasama strategik di antara Unit Askar Wataniah dan Bahagian Pembangunan Sumber Manusia UMP di dalam memantapkan organisasi keselamatan dan menjadikan anggota lebih berdisiplin, menepati masa dan berketrampilan. Pendedahan kepada aktiviti-aktiviti lasak, latihan kawad dan ikhtiar hidup kepada anggota-anggota ini akan menjadikan mereka lebih berkeyakinan dan bijak menguruskan masa mereka dengan lebih berkesan.

Sehingga kini katanya, UMP mempunyai seramai 110 orang anggota wataniah termasuk pelajar dan staf. Bagi aktiviti wataniah, pelajar dan staf perlu menghadiri beberapa siri kursus yang lain bagi peningkatan kerjaya di dalam Perkhidmatan Darat Angkatan Tentera Malaysia.

Sementara itu, perbarisan penutup dirasmikan oleh Timbalan Komander Rejimen 512 AW Kem Padang Midin Kuala Terengganu, Lt. Kol Burhan Sagoni dan Timbalan Komander Rejimen 505 AW Kem Sg Miang Pekan, Lt. Kol Zaini Mohamed.



Dalam ucapannya, beliau berbangga dengan tahap disiplin dan kepimpinan yang telah ditunjukkan oleh anggota-anggota sepanjang kursus berjalan dan tiada perkara-perkara yang tidak diinginkan berlaku. Dalam majlis ini turut berlangsung penyampaian hadiah kepada para pemenang hadiah kecemerlangan kursus iaitu peserta keseluruhan terbaik, akademik terbaik, menembak, kawad terbaik dan platun terbaik.

Dalam program ini menyaksikan pelajar Tahun 2 Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Awam, PJM Nurul Asyiqin Ahmad Kabri berjaya merangkul hadiah akademik terbaik bagi kursus yang dijalankan ini. Bagi staf Bahagian Keselamatan UMP, PJM Shahrizal Ariffin yang menyertai program melahirkan rasa berbangga dapat menyertai program bagi meningkatkan tahap disiplin, ketrampilan dan kepimpinan mereka untuk diaplikasikan dalam kerjaya mereka.



Unit Askar Wataniah UMP turut terlibat dalam penyertaan aktiviti perbarisan perarakan sempena Hari Kebangsaan Peringkat Negeri Pahang yang berlangsung di Padang kamunting Kuantan membabitkan seramai 78 orang anggota dengan diketuai oleh Kapt. Prof. Madya Ir. Dr. Ahmad Ziad Sulaiman daripada Fakulti kejuruteraan Kimia & Sumber Asli serta dibantu oleh Lt. Hazami Che Husin daripada fakulti Kejuruteraan Mekanikal.

Disediakan oleh Kapt. Prof. Madya Ir. Dr. Ahmad Ziad Bin Sulaiman, penasihat Askar Wataniah UMP

Posted By : NORHIDAYAH BINTI MOHAMAD Date Posted : 04-09-2015, 15:14:49